

## MANFAAT TAPAU...

- Anda telah menyelamatkan diri dan keluarga daripada bahaya penyakit
- Anda berjaya kurangkan sampah terutamanya beg plastik, polisterin dan bekas minuman plastik dari dapur rumah anda
- Menjimatkan perbelanjaan harian mengikut had bekas yang dibawa semasa membeli - elak pembaziran
- Berbelanja mengikut keperluan - jimat duit

DISEDIAKAN OLEH :  
UNIT KESIHATAN AM  
JABATAN PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM  
NO TEL : 05-4563415/115  
FAX : 05-4563430/130



**Kempen Pengurangan  
Penggunaan Polisterin dan  
Beg Plastik Sempena Inisiatif  
Pembangunan Kejiranan Hijau  
MDTM 2016**



**JOM TAPAU ...  
\*BAWA BEKAS  
MAKANAN ANDA  
SENDIRI DARI  
RUMAH...**



## MAKLUMAN...

Perak Bebas Plastik, Polisterin Jun 2017

April 18, 2016

IPOH – Perak akan menjadi negeri bebas plastik dan polisterin menjelang Jun 2017, kata Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Dr Muhammad Amin Zakaria.

Menurut beliau, bagi mencapai matlamat itu, kerajaan negeri bersama-sama agensi berkenaan akan melaksanakan kempen kesedaran pengurangan penggunaan bahan tersebut mulai Jun 2016.

Beliau berkata, kempen itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula Jun ini di mana penggunaan kedua-dua bahan itu tidak dibenarkan setiap hari Jumaat di kafeteria dan bangunan kerajaan negeri.

“Penyediaan makanan bagi program-program kerajaan hendaklah dibuat secara bufet ataupun menggunakan bekas yang boleh diurai,” katanya dalam sidang media di Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Isnin.

Dr Amin memberitahu, pada peringkat kedua kempen yang akan bermula Januari 2017, penggunaan kedua-dua bahan itu tidak dibenarkan setiap hari di kafeteria dan bangunan kerajaan negeri.

Dalam masa yang sama, kata beliau, larangan yang sama juga diperluaskan ke bangunan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri pada peringkat ketiga kempen.

“Peringkat keempat mulai Jun 2017, kita larang penggunaan dua bahan ini di jabatan-jabatan, dan agensi, termasuk agensi negeri dan persekutuan, termasuk juga orang-orang awam seperti premis di pasaraya, hyper market dan kedai-kedai runcit,” ujarnya.

Dr Amin meminta kerjasama PBT yang akan menguatkuasakan larangan itu di premis-premis yang berkenaan supaya mengambil langkah yang sewajarnya.

(SUMBER : SINAR HARIAN)

## CARA TAPAU ? Bermula dari anda sendiri...



## TAHUKAH ANDA ? Bahaya Beg Plastik & Bekas Polisterin

➤Bekas plastik dan polisterin mengandungi bahan kimia merbahaya iaitu Bisphenal A (BPA) dan Stirena yang boleh menjejaskan alam sekitar kerana mengambil masa 500 tahun untuk diuraikan

➤Bekas polisterin juga mengandungi bahan kimia yang boleh menjejaskan kesihatan manusia serta mengakibatkan :

- : Perubahan genetik
- : Merosakkan sistem pembiakan
- : Merendahkan sel darah merah
- : Gangguan haid pada wanita

(sumber : Portal Kementerian Kesihatan Malaysia )

## TINDAKAN ANDA SEBAGAI PENGGUNA ?

➤Kurangkan dan seterusnya tidak menggunakan beg plastik dan bekas polisterin yang mengandungi bahan kimia yang merbahaya

➤Tukar gaya hidup anda dengan membawa bekas makanan sendiri dari rumah jika ingin membungkus makanan dari luar

➤Menyokong kempen “JOM TAPAU” anjuran Majlis Daerah Tanjong Malim